

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (J) 5-2015

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 19 Februari 1997. Perayu menjalankan perniagaan mengilang dan memproses makanan sejuk beku iaitu burger, bebola, sosej, nuget, ayam goreng dan daging kisar.
2. Pada 22 Mei 2001 Perayu telah dilesenkan di bawah seksyen 13(1) Akta Cukai Jualan 1972. Pada 22 Ogos 2002 Menteri Kewangan Malaysia dengan kuasa di bawah seksyen 10 Akta Cukai Jualan 1972 telah meluluskan permohonan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia untuk mendapatkan pengecualian cukai jualan ke atas *sausages* dan *frankfurters* yang disediakan dalam "*not in airtight containers*". Berdasarkan kepada kelulusan tersebut, Perayu telah memohon kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Sungai Petani, Kedah untuk membatalkan lesen mengilang Perayu. Pada 17 Disember 2002 JKDM telah membatalkan lesen mengilang Perayu.
3. Pada bulan Mac 2014 Cawangan Audit Syarikat, JKDM, Sungai Petani, Kedah telah membuat pemeriksaan audit ke atas perniagaan Perayu. Pada 26 Februari 2015 Perayu telah menerima satu Bil Tuntutan bertarikh 25 Februari 2015 daripada Pengarah Kastam Negeri, Kedah di bawah seksyen 30(1) Akta Cukai Jualan 1972 menuntut Perayu membayar cukai jualan sebanyak RM6,154,017.63 dan penalti sehingga 24 Februari 2015 sebanyak RM1,499,023.53. Tuntutan ini dikeluarkan kerana Perayu dikatakan gagal mengenakan cukai jualan ke atas barangan bercukai jualan yang dikilangkan yang mana bertentangan dengan kehendak seksyen 12(a) Akta Cukai Jualan 1972.

4. Berdasarkan seksyen 15(5) Akta Cukai Jualan 1972, Ketua Pengarah Kastam (KPK) telah mengeluarkan Keputusan Penjenisan Barang Kategori PC bertarikh 14 Januari 2015 yang memutuskan barangan makanan sejuk beku iaitu burger, ayam goreng, sosej, nuget, daging kisar dan bebola keluaran Perayu ditetapkan nombor kod tarif berdasarkan jenis pembungkusan yang digunakan iaitu sama ada "*airtight containers*" atau "*not in airtight containers*". Keputusan Penjenisan Barang Kategori PC itu telah diserahkan kepada Perayu melalui surat Cawangan Auditan Syarikat, JKDM, Sungai Petani, Kedah bertarikh 4 Mac 2015. Perayu telah menerima keputusan tersebut pada 5 Mac 2015.
5. Perayu tidak bersetuju dengan keputusan penjenisan oleh KPK bagi makanan sejuk beku iaitu burger, ayam goreng, sosej, nuget dan bebola. Pada 2 Jun 2015 Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam. Menurut Perayu, beg plastik yang digunakan untuk membungkus semua barangan berkenaan adalah dalam kategori "*non airtight plastic bag*". Oleh itu nombor kod tarif yang betul bagi semua barangan itu adalah dalam kategori "*non-airtight*". Perayu juga memohon supaya dibatalkan Bil Tuntutan bertarikh 25 Februari 2015 yang menuntut cukai jualan ke belakang dan penalti berjumlah RM7,653,041.16.

## ISU

1. Sama ada permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan boleh dibenarkan di mana rayuan difailkan dengan kelewatan 51 hari. Di bawah seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972, rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi bertulis keputusan KPK diterima oleh Perayu.
2. Apakah kod tarif yang betul bagi barangan makanan sejuk beku iaitu burger, ayam goreng, sosej, nuget dan bebola keluaran Perayu.

(Pada tarikh sebutan pertama Tribunal membenarkan permohonan pelanjutan masa setelah Tribunal mendapati alasan kelewatan Perayu memfailkan rayuan kerana menunggu laporan ujian makmal ke atas *plastic film* adalah munasabah. Pada tarikh sebutan kedua Tribunal telah menerangkan peruntukan peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007 di mana Perayu dikehendaki membayar amaun cukai jualan dan penalti sebagaimana yang dituntut dalam Bil Tuntutan bertarikh 25 Februari 2015 sebelum pendengaran rayuan bermula. Melalui surat bertarikh 18 Disember 2015 Perayu telah memohon untuk menarik balik rayuan dan akan membuat permohonan remisi kepada Menteri Kewangan Malaysia)

## **KEPUTUSAN**

Rayuan dibatalkan.

22 Disember 2015